



KENYATAAN AKHBAR

CADANGAN PINDAAN JADUAL KETUJUH AKAN DIBINCANGKAN DI MESYUARAT MAJLIS TINDAKAN KOS SARA HIDUP NEGARA

Pada 24 April 2019, saya telah mengemukakan memorandum cadangan pindaan Jadual Ketujuh, Peraturan-Peraturan Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Klinik Perubatan Swasta Atau Klinik Pergigian Swasta) 2006 di bawah Akta Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586) kepada Mesyuarat Jemaah Menteri.

Memorandum ini adalah bagi tujuan **pelarasan kadar fi perundingan dan fi tatacara** bagi pengamal perubatan am yang memberikan perkhidmatan di klinik perubatan am swasta, dengan kadar fi bagi pengamal perubatan am yang bertugas di fasiliti berlesen, seperti di dalam Jadual Ketiga Belas, Peraturan-Peraturan Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta Dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) [Pindaan] 2013.

Sementara Jemaah Menteri memahami keperluan dan rasional cadangan pindaan tersebut, mesyuarat mencadangkan supaya perkara ini dibincangkan terlebih dahulu di dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara dan seterusnya dibentangkan semula untuk pertimbangan dan persetujuan Jemaah Menteri.

Di samping itu, saya akan mempengerusikan satu sesi perjumpaan dengan pemegang-pemegang taruh terlibat bagi menjelaskan perkara ini (pindaan Jadual Ketujuh) serta merungkaikan beberapa dakwaan yang berkaitan. Selain itu saya juga akan membincangkan isu-isu lain berkaitan perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta. Tarikh perjumpaan ini akan dimaklumkan dalam masa terdekat.

YB DATUK SERI DR DZULKEFLY AHMAD
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA
9 MEI 2019